



#### UPM Juara 2 Kali Berturut-turut Debat Mandarin IPT



Dato' Tan Lian Hoe menyampaikan hadiah kepada pasukan debat UPM.

Kuala Lumpur, 25 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjadi johan Pertandingan Debat Bahasa Mandarin Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ke-11 serta mempertahankan kejuaraan tersebut buat kali kedua berturut-turut.

UPM telah berjaya memasuki pusingan akhir pertandingan tersebut sebanyak empat kali pada 1997, 2003, 2006 dan 2008 dan menjadi johan sebanyak dua tahun pada 2006 dan 2008.

UPM selaku penyokong berjaya menundukkan Universiti Teknologi Petronas (UTP) selaku pembangkang pada pertandingan akhir yang bertajuk "Demi Menaikkan Taraf Sistem Kehakiman di Negara Kita, Ahli Politik atau Pegawai-pegawai Kehakiman Memainkan Peranan yang lebih Penting".

UPM yang diwakili oleh Teh Siao Jing, Hew Kok Hong, Tay Fui Fang, Chai Yuk Ping, Lim Khai Han, Low Chin Lin dan Woon Wen Xin telah membawa pulang wang tunai RM 3000, tujuh Chocolate Audio, tujuh trofi dan sijil penyertaan.

Peserta UPM, Tay Fui Fang dipilih sebagai pendebat terbaik pada pusingan akhir pertandingan tersebut dan UPM dipilih mewakili Malaysia pada Pertandingan Debat Bahasa Mandarin Antarabangsa pada tahun 2010.

Pelajar kursus Bachelor Sains itu berkata kemenangan tersebut merupakan kemenangan untuk semua pihak yang terlibat di dalam Kelab Debat Unit Mandarin UPM.

Pertandingan dwi-tahunan itu bermula sejak 8 Ogos yang lalu dan telah dianjurkan Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Sin Chew Daily telah disiarkan secara langsung melalui RTM 2 pada 24 Ogos yang lalu.

Pertandingan kali ini mendapat penyertaan terbanyak iaitu 20 pasukan daripada IPTA dan IPTS.

Majlis penutup pertandingan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe.



Pelajar UPM bergambar bersama pendebat UPM.

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.